

Shamsul (dua dari kanan) dan Mohamad Nazarallah (tiga dari kiri) menunjukkan kawasan yang akan dibangunkan dengan projek PPAM.



# Persatuan penduduk bantah projek PPAM

Dakwa projek di Bandar Tun Razak itu akan beri kesan buruk kepada penduduk

KUALA LUMPUR

**K**ira-kira lima persatuan penduduk membantah cadangan pembangunan projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di Lot 481446, Bandar Tun Razak di sini. Pengerusi Persatuan Penduduk Apartmen Desa Bangsawan, Shamsul Bahari Omar berkata, tiada keperluan untuk mewujudkan projek perumahan baharu yang akan memberikan kesan buruk kepada penduduk di masa depan.

Bagaimanapun, Shamsul memberitahu, penduduk di kawasan sekitar tidak menolak pembangunan sekiranya projek dilaksanakan itu

dapat memberi manfaat kepada mereka seperti pusat atau kompleks kesihatan yang lengkap.

"Pembinaan PPAM dibantah kerana ia menyumbang kepada isu kesesakan apabila pertambahan kenderaan berlaku mendadak serta masalah sosial dikhuatiri akan meningkat kerana kepadatan penduduk yang tinggi.

"Projek berkenaan juga dijangka mengancam keselamatan penduduk apabila kerja-kerja menanam cerucuk dimulakan kerana lokasi projek itu terletak di atas bukit selain ia turut menjejaskan kualiti udara," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagi membantah projek itu penduduk di situ mengadakan perjumpaan yang turut dihadiri Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Mulia Fasa 1, Mohamad Nazarallah Mohd Nasir; penasihat persatuan, Syed Agil Syed Jaafar dan dua ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Apartmen Desa Bangsawan, Latifah Mohd Naim serta Rohani Mohamad.

Lima persatuan yang membantah cadangan projek ini ialah Persatuan Penduduk Apartmen Desa Bangsawan, Persatuan Penduduk Taman Mulia Fasa 1 dan Fasa 2, Persatuan Penduduk Taman Bandaraya Damai dan Badan Kebajikan Penduduk Jalan Makmur.

Persatuan terbabit juga bergabung dengan menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Bantahan Projek Pembangunan Bangunan Berkepadatan Tinggi di Tapak Lot 481446 dipengerusikan Shamsul Bahari.

Sementara itu, Mohd Nazarallah pula berkata, bantahan sudah bermula sejak 2018 dan surat bantahan telah pun dikemukakan kepada banyak pihak sepanjang tempoh 2018 sehingga 2020.

Jelasnya, surat bantahan dikemukakan semula kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 23 September 2024 diikuti dengan beberapa surat susulan memohon pertemuan namun belum ada apa-apa maklum balas.

"Setakat ini respons hanya diterima daripada Pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak dan dua mesyuarat telah diadakan di pejabat Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin di Menara DBKL 1.

"Turut hadir adalah pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) daripada jabatan-jabatan yang berkenaan serta wakil Tetuan Rimbun Purnama Sdn. Bhd (pemaju projek Pembangunan di Lot 481446)," ujarnya.

Beliau menambah, oleh kerana Perintah Pembangunan telah dikeluarkan pada 19 Jun 2024, mesyuarat tersebut lebih kepada mencari penyelesaian terhadap isu parkir kenderaan dan lambakan kenderaan yang akan diparkir di bahu jalan.



Kawasan menghijau yang didakwa akan dibangunkan dengan projek PPAM